

Esscom akan distruktur semula, kata Najib
Malaysian Insider
July 8, 2014
OLEH ANISAH SHUKRY

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini mengumumkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) akan distruktur semula berikutan banyak kritikan berhubung kegagalan agensi itu menghalang pencerobohan Sabah.

"Walaupun Esscom berjaya menghalang pencerobohan baharu namun jenayah bentuk lain seperti penculikan masih menjadi ancaman keselamatan," katanya pada sidang media di Putrajaya, hari ini.

"Kerajaan memutuskan untuk mengatur semula pengurusan keselamatan di pantai timur Sabah dengan mengukuhkan Esscom dengan penstrukturan agensi itu," katanya.

Najib berkata, Esscom kini akan dipisahkan menjadi dua komponen iaitu Pengurusan Pertahanan dan Keselamatan serta Komponen Penguatkuasaan dan Tindakan Awam.

Pengarah keselamatan dan arahan umum Esscom Datuk Abd Rashid Harun akan dilantik menjadi komander bermula 15 Julai 2014 dan bertanggungjawab dalam komponen Pengurusan Keselamatan dan Pertahanan.

"Komander Esscom akan mengetuai tiga bidang utama iaitu risikan, keselamatan dan pertahanan serta operasi. Komander akan dibantu timbalan komander dalam mentadbir operasi.

"Tujuan komponen ini bagi menggerakkan agensi keselamatan dan

meningkatkan kecekapan operasi," katanya.

Komponen kedua akan diketuai ketua pegawai eksekutif dan dibahagikan kepada tiga bidang: khidmat pengurusan, penguatkuasaan, tindakan awam dan khidmat Sekretariat.

Ia meliputi undang-undang imigresen, peraturan Jabatan Pendaftaran Negara, barangan kawalan dan hal berkaitan rakyat.

Esscom meliputi kawasan sepanjang 1,400km pantai timur Sabah dari Kudat ke Tawau.

Ia ditubuhkan pada Mac 2013 oleh perdana menteri susulan insiden pencerobohan Lahad Datu oleh tentera Sulu tahun lalu.

Objektif penubuhannya adalah untuk mengukuhkan keselamatan maritim di sebelah timur Sabah dan mencegah kegiatan pengganas di perairan negeri itu.

Najib berkata, CEO dan komander Esscom akan membantu ketua menteri Sabah dalam menguruskan jawatankuasa Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (Esszone).

"Tujuan penstrukturan ini untuk mengukuhkan rangkaian Esscom dan memastikan penglibatan penuh rakyat bersama agensi keselamatan dalam usaha membebaskan pantai timur Sabah dari jenayah dan pencerobohan," katanya.

Perdana menteri berkata, bagi mengukuhkan lagi keselamatan kawasan itu, 30 unit bot diserahkan kepada polis, tentera dan maritim pada 29 Mei lalu.

Katanya, kapal Bunga Mas 5 turut digunakan sebagai pengkalan operasi kerajaan bagi melindungi pantai timur Sabah.

"Langkah ini bagi memastikan hanya bot yang dibenarkan saja memasuki perairan Sabah.

"Ia juga sebagai langkah kawalan dan pengawasan bot di perairan pantai timur Sabah dengan lebih berkesan dan memastikan bot yang tidak mematuhi peraturan akan ditahan dan diambil tindakan berdasarkan undang-undang sedia ada," katanya.

Ketika ditanya mengapa Esscom masih gagal mencegah penculikan di perairan Sabah walaupun ditubuhkan sejak lebih setahun lalu, Najib berkata, kawasan luas dan masyarakat yang kompleks menjadi penghalang.

"Masyarakat di sana mudah keluar masuk. Dalam situasi ini, mereka tidak lihat sempadan negara sebagai penghalang.

"Jadi kita perlu bekerjasama dengan penduduk tempatan. Mereka yang memiliki resort juga mesti menggaji pekerja tempatan dan memasang CCTV," katanya. – 8 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/esscom-akan-distruktur-semula-kata-najib#sthash.PBQVVIG1.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/esscom-akan-distruktur-semula-kata-najib>